

## MAHATHIR-BURUH

1980

KUALA LUMPUR, 22 MAC (BERNAMA) -- PINDAAN UNDANG-UNDANG BURUH SEPERTI YANG DICADANGKAN MENDAULATKAN HAK SESEORANG INDIVIDU UNTUK BEKERJA TANPA MENARIK KEPERASANNYA UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN PERUSAHAAN SEKIRANYA IA TERANIAYA, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU BERKATA PINDAAN ITU JUGA BERTUJUAN BUKAN SAHA UNTUK KEPENTINGAN KEBAJIKAN PARA PEKERJA BAHKAN UNTUK NEGARA.

BELIAU MENEKANKAN BAHWA KERAJAAN TIDAK MENENTANG BURUH TETAPI SEBALIKNYA IA MAHU MELINDUNGINYA MEMANDANGKAN BURUH MERUPAKAN SEBILANGAN BESAR DARI PENDUUK DI NEGARA INI.

+SEBAGAI SEBUAH KERAJAAN KAMI BERTANGGUNGJAWAB BUKAN SAHA TERHADAP MEREKA YANG MAKAN GAJI BAHKAN TERHADAP MEREKA YANG BERDIKARI, MEREKA YANG MENGANGGUR DAN MEREKA YANG TIDAK BEKERJA SEPENUHNYA, + TAMBAH BELIAU.

+KAMI MESTILAH ADIL KEPADA SEMUA PIHAK TERSEKUT+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERANGKAN KEPADA PARA PEMBERITA TENTANG CADANGAN AKTA HUBUNGAN PERCNDUSTRIAN DAN AKTA KESATUAN SEKERJA (PINDAAN) TAHUN 1980 YANG AKAN DIBINCANGKAN DI PARLIMEN PADA 3 APRIL.

BELIAU BERKATA MALAYSIA +MENGAMALKAN SIKAP YANG PALING LIBERAL TERHADAP KESATUAN-KESATUAN TERPANDING DENGAN NEGARA-NEGARA JIRAN. + -- BERSAMBUUNG 1600/1B

## MAHATHIR-BURUH 2 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU BERKAWA PINDAAN-PINDAAN YANG DICADANGKAN ITU AKAN MENYEKAT AHLI-AHLI POLITIK DARI MENGGUNAKAN KESATUAN-KESATUAN BAGI KEPENTINGAN DIRI SENDIRI.

IA JUGA AKAN MENGHALANG KESATUAN-KESATUAN SEKERJA ANTARABANGSA MEMPERALATKAN PEKERJA-PEKERJA TEMPATAN BAGI FAEDAH DIRI MEREKA SENDIRI.

MBELIAU MENJJJJJELASKAN BAHWA KESATUAN-KESATUAN TEMPATAN +CUBA MENDAPATKAN SOKONGAN DARI KESAUAN-KESATUAN LUAR BAGI MENGHANCURKAN EKONOMI KIWA SENDIRI+.

PERTIKAIAN MAS DENGAN KESATUAN PEKERJA-PEKERJA SYARIKAT PENERBANGAN YANG TELAH DIBUBARKAN ITU BARU-BARU INI SATU CONTOH TOKOH-TOKOH KESATUAN ASING CAMPURTANGAN DALAM HAL EHWAL DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TOKOH-TOKOH KESATUAN TEMPATAN TIDAK MEMBANTAH APABILA RAKAN-RAKAN SEJAWAT MEREKA DI NEGARA-NEGARA BARAT MENGHALANG BARANGAN-BARANG KITA DARI DIIMPORT KE NEGARA MASING-MASING.

KATANYA, +SEPATUTNYA TOKOH-TOKOH KESATUAN TEMPATAN MENENTANG DASAR SEKATAN SEUMPAMA ITU+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP TOKOH-TOKOH KESATUAN TEMPATAN TIDAK TERPERANGKAP OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN KESATUAN DI NEGARA-NEGARA MAJU KERANA MEREKA HANYA MEMPUNYAI MOTIVE UNTUK MENGHALANG NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DALAM PROSES MENJADI NEGARA PERCNDUSTRIAN. -- BERSAMBUUNG 1635/1B

MAHATHIR -BURUH 3 KUALA LUMPUR

179

TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG LAMA MENTERI  
PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, BERKATA BASKAT UTAMA NEGARA  
INI JALAH UNTUK MENGURANGKAN PENGANGGURAN KEPADA EMPAT  
PERATUS.

+BILA INI DICAPAI PERINDUSTRIAN SAMA ADA MEREKA SUKA ATAU  
TIDAK TERPAKSALAH MENAIKKAN GAJI PEKERJA MASING-MASING.+

BELIAU BERKATA DALAM TEMPOH 10 TAHUN YANG AKAN DATANG  
MALAYSIA AKAN MENJADI SEBUAH NEGARA YANG KUKUH DENGAN SYARAT  
RAKYATNYA MESTILAH SANGGUP TEKERJA KERAS DAN MEMBANTU KERAJAAN  
MENCAPAI MATLAMATNYA.

+KITA MEMPUNYAI SEMUA SUMBER YANG DIPERLUKAN BAGI MENCEBURI  
BIDANG PERINDUSTRIAN-KITA MEMPUNYAI MINYAK, TENAGA,  
TENAGA PEKERJA YANG MAHIR DAN BAHAN-PAHAN MENTAH+.

BELIAU MENGUMUMKAN BAHAWA +BANYAK PROJEK RAKSAKSA YANG SEDANG  
DIPERTIMBANGKAN SEPERTI KILANG PESI WAJA YANG DISATUKAN DAN  
KILANG-KILANG PETRO-KIMIA.

+SEBENARNYA KEPANYAKAN MEREKA YANG INGIN MELABUR DALAM  
PROJEK-PROJEK ITU TERNANTI-NANTI SUPAYA KITA MEMILIH MEREKA.+

--- BERSAMING 1640/1P  
MAHATHIR-BURUH 4 KUALA LUMPUR

MENTERI BURUH DAN TENAGA RAKYAT, DATUK RICHARD HO, YANG TURUT  
HADIR MENAFIKAN DAKWAAN KESATUAN-KESATUAN BAHAWA PINDAAN-  
PINDAAN YANG DICADANGKAN ITU MELARANG KESATUAN-KESATUAN MENGAMBIL  
TINDAKAN PERUSAHAAN SEPERTI MOGOK.

"INI MENGELIRUKAN KERANA KAMI TIDAK MENARIK HAK TERSEBUT,  
YANG KAMI LAKUKAN JALAH UNTUK MEMPASTIKAN BAHAWA TINDAKAN MOGOK  
DIAMBIL SECARA LEBIH TERATUR."

"SATU SEBAB LAGI JALAH KAMI MAHUKAN  
ANGGOTA-ANGGOTA KESATUAN MENGETAHUI KENAPA MEREKA MENGAMBIL TINDAKAN  
MOGOK"

KATANYA, "KERAPKALI BERLAKU PARA PEKERJA TIDAK MENGETAHUI  
KENAPA MEREKA MENGAMBIL TINDAKAN MOGOK DAN HANYA MENURUT PEMIMPINAN  
MASING-MASING SECARA MEMBABI-BUTA"

DATUK HO BERKATA BAHAWA PINDAAN-PINDAAN YANG DICADANGKAN ITU  
AKAN MEMPASTIKAN AHLI-AHLI POLITIK TIDAK MENGAMBIL KESEMPATAN TER-  
HADAP PEKERJA-PEKERJA KESATUAN.

"KERAJAAN MERASAKAN BAHAWA AHLI-AHLI POLITIK DAN TOKOH-TOKOH  
KESATUAN SEKERJA TIDAK BOLEH MENJADI RAKAN TIDUR."

---BERNAMA